

# Hormati pelajar baru UMS sesi 2010/2011

**M**AHASISWA yang menjadi pembimbing Majlis Suai Mesra (MSM) perlu menghormati pelajar baru yang akan mendaftar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sesi 2010/2011 pada awal bulan depan.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Kassim Mansur berkata mahasiswa yang dipilih menjadi pembimbing suai mesra seharusnya memberikan gambaran yang sebenar mengenai kehidupan di kampus induk di Kota Kinabalu dan Labuan.

Katanya, sebagai duta kecil kepada UMS, pembimbing berkenaan merupakan orang yang pertama ditemui pelajar baru sama ada di lapangan terbang, terminal feri dan terminal bus sebelum mereka mendaftar di Dewan Canselor UMS.

"Pertemuan pertama sangat penting kepada pelajar baru. Mahasiswa yang dipilih menjadi pembimbing Majlis Suai Mesra perlu menunjukkan sikap yang baik bagi menaikkan semangat pelajar baru yang akan memasuki UMS awal bulan Julai," katanya berucap pada majlis penutupan Kursus Kepimpinan Mahasiswa UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) di Dewan Theatre, Labuan, malam kelmarin.

Turut hadir Penolong Pendaftar Kanan HEPA UMS-KAL, Zamri Mohammad Tuah dan 68 peserta kursus.

Kursus yang diadakan pada 18-24 Jun itu bagi membantu melancarkan kemasukan pelajar baru sesi 2010/2011 pada awal Julai depan.

Dr Kassim berkata, kursus anjuran Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UMS itu dipenuhi dengan pelbagai aktiviti termasuk ceramah motivasi, latihan dalam kumpulan, kebudayaan, riadah dan sukan.

Kursus kepimpinan itu dikendalikan oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dari UMS Induk dan UMS-KAL yang diketuai Penolong Pendaftar Kanan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS, Masri Judah.

Beliau menasihatkan pembimbing suai mesra

akan menunjukkan komitmen yang tinggi untuk memastikan pendaftaran dan kemasukan pelajar baru itu berjalan lancar seperti yang diharapkan oleh Naib Canselor UMS, Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampun.

Sementara itu, Dr Kassim berkata pengurusan UMS sedang menaiktaraf dan menyelenggara bangunan kolej kediaman pelajar UMS-KAL termasuk bekalan air dan prasarana bagi keselesaan semua pelajar.

"Kerja-karya menaiktaraf kemudahan dan prasarana di kolej kediaman pelajar UMS-KAL sedang giat dijalankan untuk keselesaan semua pelajar," katanya.



**KENANGAN ...** Pelajar tahun dua yang menghadiri Kursus Kepimpinan Mahasiswa di UMS-KAL.



**BUDAYA ...** Persembahan berkonsepkan cendawan oleh peserta.



**JUADAH ...** Peserta makan malam secara ala-ala kampung pada majlis penutupan.



**MUHIKABAH ...** Antara aktiviti yang diadakan pada majlis penutupan kursus.



**HIBURAN ...** Persembahan koir oleh peserta kursus.